

02/01/1999

Kerusi tambahan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPPM) akan memohon empat kerusi Parlimen dan lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada Barisan Nasional (BN) pada pilihanraya umum akan datang.

Pengerusi PPPM, Datuk M Kayveas, berkata satu memorandum mengenai permohonan itu akan dihantar kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Februari depan.

Menurutnya, PPPM yakin bahawa partinya sudah bersedia menghadapi pilihanraya umum akan datang berdasarkan kekuatan jentera parti yang sejak dahulu sudah menunjukkan perubahan besar.

"PPPM pada umumnya akan cuba mendapatkan kerusi di kawasan yang dikuasai oleh parti pembangkang dan anggota parti akan berusaha keras bagi memastikan kemenangan parti, terutama BN.

"Antara kawasan Parlimen dan DUN yang dikenalpasti ialah di Kedah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Melaka," katanya selepas majlis Sambutan Tahun Baru dan Berbuka Puasa anjuran PPPM, di sini hari ini.

Beliau berkata, keyakinan itu dapat dibuktikan dengan jumlah terkini anggota berdaftar PPPM yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu seramai 220,000 orang dengan 3,000 cawangan di seluruh negara.

(END)